

UM (Timur) 8/8/14 (Jumaat) ms 27



WAN Ismail Wan Jusoh (dua dari kiri) menyerahkan sumbangan zakat Bank Islam berjumlah RM30,000 kepada UMP yang diwakili Daing Nasir Ibrahim (dua dari kanan) di Universiti Malaysia Pahang, Kuantan, semalam.

Bank Islam serah zakat perniagaan kepada UMP

KUANTAN 7 Ogos - Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM30,000 kepada Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk disalurkan kepada mahasiswa kurang berkemampuan.

Zakat berkenaan disampaikan oleh Pengurus Besar (Hubungan Strategik) BIMB, Datuk Wan Ismail Wan Yusoh kepada Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim dalam satu majlis di kampus UMP di Gambang, dekat sini hari ini.

Dr. Daing Nasir ketika menyampaikan ucapan berkata, komitmen pihak swasta dan badan korporat seperti BIMB amat membantu universiti dalam memastikan keperluan mahasiswa terpelihara.

"UMP amat menghargai keprihatinan BIMB dalam melunaskan kewajipan sosial korporatnya dengan menyalurkan sumbangan zakat untuk dimanfaatkan oleh para pelajar.

"Setakat ini ramai pelajar telah menerima manfaat hasil daripada pemberian sumbangan zakat perniagaan ini dan pihak pentadbiran UMP berterima kasih kerana keprihatinan tersebut," katanya.

Menurut beliau, tidak dinafikan segelintir mahasiswa datang daripada keluarga yang berpendapatan rendah dan menghadapi kesukaran dalam menanggung kos sara hidup yang semakin meningkat di kampus.

Katanya, sumbangan itu diharap

dapat digunakan sebaik-baiknya oleh penerima sepanjang menjalani kehidupan sebagai mahasiswa.

Dalam pada itu, Wan Ismail berkata, peruntukan itu ialah salah satu usaha BIMB mencapai keseimbangan terutama dalam mewujudkan nilai murni kepada semua pemegang kepentingannya.

Katanya, pemberian zakat tersebut bertujuan untuk mengurangkan bebanan mahasiswa kurang berkemampuan.

"Kita tidak mahu masalah kewangan menjadi punca menyebabkan pelajar-pelajar miskin tidak berminat untuk menamatkan pengajian setelah berjaya ke menara gading," ujarnya.